

NCO: PKR kesal dengan respons Menteri Pertahanan
The Malaysian Insider
14 Oktober , 2011
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 14 Okt – Parti Keadilan Rakyat (PKR) kesal dengan jawapan Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berhubung keraguan mereka terhadap Projek Network Centric Operation (NCO) yang diserahkan secara tender terus kepada Sapura Secured Technologies Sdn Bhd.

Nurul Izzah Anwar dan Tian Chua, masing-masing Naib Presiden PKR hari ini mempertikaikan jawapan menteri berkenaan yang disifatkan mereka tidak mempunyai perancangan yang menyeluruh dan hala tuju tepat.

“Kami, pemimpin PKR kesal dengan jawapan menteri kerana seolah-olah tidak ambil berat tentang pelaksanaan projek ini sedangkan ia melibatkan kos yang sangat besar,” kata Nurul Izzah (gambar).

“Daripada jawapan yang diberikan Menteri Pertahanan sewaktu sidang Parlimen tempoh hari, projek ini mengandungi empat fasa... fasa Pertama bermula tahun ini hingga Tahun 2015 seiring dengan Pelan Pembangunan Lima Tahun Rancangan Malaysia,” katanya.

Fasa Kedua antara 2016 hingga 2020 manakala Fasa Ketiga (2021-2025) dan Fasa Keempat (2026-2030).

Dalam jawapan bertulis Kementerian Pertahanan mengesahkan NCO dianugerahkan kepada Sapura atas faktor seperti kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang pertahanan, keselamatan dan teknologi maklumat.

“Ia mengambil masa 20 tahun untuk melengkapkan keseluruhan fasa dan anggaran perbelanjaan adalah sebanyak RM140 juta untuk dua tahun, jadi secara keseluruhan, projek ini akan menelan belanja kira-kira RM 2 bilion untuk 20 tahun,” tegas beliau sambil menekankan jumlah itu akan dibazirkan sekiranya projek itu tidak dilaksanakan secara rapi dan tersusun.

Nurul Izzah yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai berkata, daripada keseluruhan fasa, Sapura diberi percubaan untuk melaksanakan Fasa 1A dan sekiranya tidak memuaskan, kerajaan akan memberikan pelaksanaan projek itu kepada syarikat lain.

“Ini menunjukkan kerajaan belum yakin dan bergantung kepada keupayaan Sapura ketika melaksanakan Fasa 1A tersebut, saya tidak menolak akan berlaku lonjakan kos sekiranya berlaku perubahan-perubahan syarikat dalam pelaksana program itu,” ujarinya yang pernah mendakwa syarikat itu tidak memiliki kebolehan teknikal untuk melaksanakan projek ini.

Bersetuju dengan kenyataan Nurul Izzah, Tian Chua yang juga Ahli Parlimen Batu menjelaskan, kenyataan menteri berhubung keperluan perkakasan dan perisian bagi kegunaan projek ini, yang tidak dapat dikenal pasti dengan mudah dan memerlukan kajian serta perbincangan terperinci mengenainya turut akan menjadi punca lonjakan kos pelaksanaan sistem ini.

"Kementerian berkenaan juga tidak memberikan pelan tindakan lengkap program tersebut dengan tepat, mereka hanya memberikan jadual pelaksanaan untuk setiap fasa, tapi tidak memberikan maklumat terperinci, seolah-olah menteri sendiri tidak mengetahui apa sebenarnya hala tuju projek ini, jelasnya kepada The Malaysian Insider.

Dalam sidang media itu juga, Tian Chua menegaskan kementerian berkenaan seharusnya menyatupadukan sistem pembelian peralatan ketenteraan negara kerana kerajaan dilihat seolah-olah sedang "pergi membeli-belah untuk barangan keperluan ketenteraan tersebut."

"Sistem pertahanan negara kita tidak terancang, kementerian seolah-olah pergi membeli-belah, pergi satu negara kemudian beli kelengkapan perang, kemudian pergi negara lain, beli kelengkapan perang yang lain, tidak bersepadu, seolah-olah tidak ada perancangan rapi untuk membeli keperluan tersebut," katanya.

Beliau menyifatkan ia merupakan satu pembaziran dalam penggunaan wang kerajaan.

"Duit kerajaan ini seharusnya diurus secara efisien," tegasnya lagi.

Program NCO ATM ini adalah sebuah projek untuk mengintegrasikan semua aplikasi sistem, pengesanan, sistem arah dan kawal serta persenjataan untuk ATM.

Sebelum ini difahamkan bahawa pihak ATM telah pun memiliki sistem yang hampir sama, yang dimajukan beberapa tahun lalu.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nco-pkr-kesal-dengan-respons-menteri-pertahanan/>